LADA

NASKAH INTEGRITI LADA SIRI 3

Sarikata

Diharapkan Naskah Integriti ini dapat membantu meningkatkan lagi keberkesanan dan kawalan dalaman terhadap pengurusan tatakelakuan, kewangan dan aktiviti di LADA. Ini termasuklah aspek pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan Kerajaan, pengurusan yang cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan. Oleh yang demikian, komitmen yang tinggi adalah sentiasa menjadi agenda penting ke arah meningkatkan penyampaian perkhidmatan LADA yang telus dan berintegriti.

Selain itu, infografik yang dipaparkan hendaklah dijadikan panduan, difahami seterusnya diterjemahkan kepada tindakan pembetulan dan penambahbaikan supaya akauntabiliti dan integriti di LADA sentiasa terus berada di tahap yang cemerlang.

Nasaruddin Bin Abdul Muttalib
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

Sidang Redaksi

Penasihat
Tuan Ahmad Fuad Bin Che Ani@Abd Ghani
Timbalan Ketua Pengawai Eksekutif (Pengurusan)

Ketua Editor
Nur Fairuz Shahirah Binti Ab Jelani
Ketua Unit Integriti

Pasukan Editor
Wan Suffurinaz Binti Wan Sulaiman, Hilal Aminur Rashid Bin Suhaimi,
Roshasnita Binti Roski, Rozita Binti Aziz

Isi Kandungan

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	----------	3
Sidang Redaksi	----------	5
Bingkisan Integriti	----------	7
Artikel Integriti	----------	8
Segmen Khas	----------	12
Sepintas Lalu	----------	14
Lensa Khas Integriti	----------	16
Hebahan Integriti Today	----------	20

Jangan Mengelat!!!!

Peraturan 22, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]

- Tidak Hadir Bertugas Tanpa Cuti/Tanpa Kebenaran/Tanpa Sebab Munasabah
- Berada di Tempat Awam pada Waktu Bekerja
  (Contoh: Langkawi Fair/Pasaraya Billion/Kafeteria)

Perintah Am Bab G, Waktu Bekerja dan Lebih Masa 1974

- Keluar Pejabat Tanpa Kebenaran Penyelia/Ketua Jabatan pada waktu bekerja
- Lewat Masuk Pejabat/Keluar Awal dari Waktu Yang Ditetapkan

Jauhi perkara-perkara yang menjejaskan INTEGRITI anda sebagai warga kerja LADA. Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan adalah satu kesalahan tatatertib.

Artikel Integriti

RASUAH: SATU PILIHAN

Oleh: Dianah Hanim Binti Abdul Rahim

Kehidupan manusia pastinya tidak boleh dipisahkan dengan perkara yang berkaitan dengan pilihan. Persoalannya adakah pilihan yang dibuat itu betul atau sebaliknya? Adakah akan timbul rasa penyesalan dengan pilihan yang dibuat? Atau sebaliknya? Kehidupan seharian masyarakat juga sering kita dengar alasan seperti 'tiada pilihan' atau 'semuanya sudah ditentukan' seolah-olah kita ingin menyalahkan pihak lain kerana tidak memberi pilihan sedangkan hakikatnya pilihan sentiasa ada di tangan setiap individu. Apabila pilihan sudah dibuat, itu bermakna kita telah bersedia untuk menghadapi segala risiko yang bakal mendatang.

Mutakhir ini, isu mengenai jenayah rasuah sering menjadi tajuk utama di semua media massa baik di media cetak mahupun media elektronik serta tidak ketinggalan di laman sesawang. Masyarakat semakin lantang memperkatakan isu ini seolah-olah boleh dilenyapkan sekelip mata sahaja dengan pandangan yang mereka lontarkan. Hakikat yang perlu diterima sebenarnya adalah jenayah rasuah sudah lama wujud dalam sejarah manusia. Isu rasuah terutama bagi negara yang sedang membangun seperti Malaysia adalah satu isu yang cukup sensitif. Perbahasan mengenainya boleh menimbulkan pelbagai reaksi seperti marah, meluat, benci, jijik dan juga ada yang kecewa. Gejala negatif ini telah menjadi duri dalam daging sehingga menimbulkan pelbagai implikasi buruk lain, boleh memporak-perandakan masyarakat dan turut mengganggu sistem pentadbiran negara.

Penulis berpendapat rasuah boleh dianggap sebagai satu sistem kerana terdapatnya pelbagai cara tertentu untuk mengatur dan mengorganisasi segala aktiviti rasuah dalam masyarakat, baik yang dilakukan oleh sektor awam atau swasta berdasarkan tingkah laku tertentu dalam rangka untuk mencapai matlamat yang dihajatkan. Dalam pada itu, rasuah juga dikatakan sebagai satu sistem kerana rasuah di negara kita kelihatan berada di tahap yang sistemik, bersindiket, terancang, mempunyai jaringan pengangkara yang rapi dan diamalkan menerusi modus operandi yang canggih.

"Rasuah boleh terjadi apabila memenuhi formula tertentu iaitu monopoli kuasa, apabila digabungkan dengan budi bicara dan ketiadaan kebertanggungjawaban."

Bagaimana rasuah boleh terjadi? Rasuah boleh terjadi apabila memenuhi formula tertentu iaitu monopoli kuasa, apabila digabungkan dengan budi bicara dan ketiadaan kebertanggungjawaban. Walaupun di mana sahaja aktiviti rasuah berlaku sama ada dalam sektor awam mahupun swasta, seseorang itu akan lebih cenderung untuk melakukan rasuah apabila mempunyai kuasa monopoli ke atas perkhidmatan yang baik atau mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada menerimanya, berapa banyak manfaat yang akan diperoleh dan tidak bertanggungjawab.

Pada pandangan penulis, konstruk utama rasuah boleh berlaku apabila wujudnya kuasa. Kuasa secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai keupayaan individu untuk membuat dan memberi keputusan dalam erti kata lain keupayaan seseorang individu atau kumpulan individu untuk mengubah tingkah laku atau perbuatan seseorang individu atau sekumpulan individu yang lain mengikut kesukaan hati. Ada juga yang berpendapat kuasa sebagai keupayaan seseorang untuk menyusun semula, mengubah keadaan atau mengubah situasi manakala Lord John Acton berkata dalam bukunya yang bertajuk Freedom and Power yang diterbitkan pada tahun 1955, "power tends to corrupt and absolute power corrupt absolutely" (Lord Acton 1955 : 7). Ini menunjukkan seseorang individu yang diberi kuasa akan cenderung untuk menyalahgunakan kuasa yang diberikan dan jika kuasa mutlak diberikan kepada individu tersebut, maka penyalahgunaan kuasa yang mutlak akan berlaku. Pada dasarnya perlakuan rasuah terjadi apabila individu yang menyalahgunakan kuasa awam untuk faedah peribadi.

BREAK THE CORRUPTION CHAIN

Dalam pada itu, pada pandangan penulis, secara umumnya rasuah juga dilihat sebagai suatu masalah ekonomi. Sebaliknya si pelaku melihat rasuah sebagai satu sumber ekonomi. Rasuah adalah satu jenayah peluang yang berlaku di persimpangan antara keseronokan dan kesakitan atau mungkin sepenuhnya dalam keseronokan kerana wujud peluang untuk keuntungan ekonomi peribadi yang salah dan haram. Keputusan dibuat dengan menggunakan kuasa dan budi bicara penuh untuk menimbang baik buruknya pilihan individu dalam tingkah laku rasuah supaya matlamat tercapai.

Dalam pada itu, pada pandangan penulis, secara umumnya rasuah juga dilihat sebagai suatu masalah ekonomi. Sebaliknya si pelaku melihat rasuah sebagai satu sumber ekonomi. Rasuah adalah satu jenayah peluang yang berlaku di persimpangan antara keseronokan dan kesakitan atau mungkin sepenuhnya dalam keseronokan kerana wujud peluang untuk keuntungan ekonomi peribadi yang salah dan haram. Keputusan dibuat dengan menggunakan kuasa dan budi bicara penuh untuk menimbang baik buruknya pilihan individu dalam tingkah laku rasuah supaya matlamat tercapai.

Mengulas lanjut berkenaan rasuah adalah satu pilihan, ini boleh dilihat melalui aspek peribadi di mana seseorang individu itu mengambil kira pada faedah dan kepuasan maksimum yang akan diterimanya apabila membuat pilihan tersebut. Faedah dan kepuasan maksimum ini pada kebiasaannya merujuk dari segi ekonomi. Pilihan terhadap rasuah dilihat dari sudut pulangan yang diperoleh daripada perbuatan melakukan jenayah itu sendiri. Ada sesetengah pendapat yang menyatakan bahawa suatu bentuk perbuatan jenayah akan bertambah 'menarik' sekiranya ia membolehkan penjenayah memperoleh keuntungan yang berlipat kali ganda dalam sekelip mata.

Rasuah juga dilihat sebagai satu pilihan kerana si pelaku kebiasaannya akan mempunyai pelbagai kemahiran dan pengetahuan tentang jenayah ini. Si pelaku akan menggunakan kemahiran dan pengetahuan untuk memastikan perbuatannya tidak dapat dihidu oleh pihak berkuasa. Perkara ini juga berkaitan dengan perancangan dan strategi si pelaku untuk memilih melakukan perbuatan rasuah tersebut. Sebagai contoh dalam kes tuntutan palsu. Si pelaku mempunyai kemahiran dan licik untuk menguruskan dokumen berkaitan supaya dapat mempengaruhi pihak yang akan membuat kelulusan bayaran. Seterusnya dari segi aspek peribadi, rasuah adalah satu pilihan kerana kekerapan si pelaku berbuat demikian, maka rasa bersalah di atas perbuatannya telah hilang. Si pelaku beranggapan perbuatannya sebagai satu perkara biasa, menjadi satu rutin dan segala tindak tanduknya adalah betul. Dalam masa sama juga, si pelaku beranggapan tidak akan ada pihak yang akan mengambil tindakan atau membuat teguran, bertanya atau menimbulkan sebarang syak wasangka. Oleh itu, semakin kerap si pelaku melakukan perbuatan tersebut, maka hilanglah rasa bersalah. Dalam pada itu, dari aspek situasi pula, si pelaku beranggapan kebarangkalian terhadap penguatkuasaan adalah rendah. Kebarangkalian penguatkuasaan di sini merujuk kepada tindakan tangkapan dan juga hukuman yang akan dihadapi oleh si pelaku rasuah. Sekiranya individu yang melakukan rasuah beranggapan kebarangkalian yang tinggi untuk ditangkap dan dikenakan denda yang bersesuaian, kemungkinan besar aktiviti rasuah akan menurun. Sebagai contoh, situasi kerenah birokrasi berikut. "Minta maaf encik, encik kena ikut prosedur yang ada. Ini adalah arahan dari pihak atasan dan saya hanya menjalankan tugas. Saya kena ikut garis panduan yang telah ditetapkan dan encik pula kenalah ikut peraturan". Itulah jawapan yang selalu kita akan dengar daripada kakitangan awam apabila kita memohon atau merayu supaya sebarang permohonan dipercepatkan atau dipermudahkan. Dengan kata lain kerenah birokrasi terpaksa dilalui walaupun terpaksa memakan masa dan perbelanjaan.

Ini bermaksud, jika seseorang individu inginkan jalan pintas, individu tersebut akan bergelumang dengan pilihan rasuah supaya permohonan dipercepatkan. Daripada situasi di atas, jelas menunjukkan seseorang individu memilih untuk melakukan jenayah rasuah kerana kebarangkalian terhadap penguatkuasaan adalah rendah.

Sebagai kesimpulan, rasuah adalah penyakit sosial yang boleh mencemarkan imej sesebuah negara dan masyarakatnya. Perbuatan rasuah yang telah wujud sekian lama, malah sudah menjadi satu amalan biasa. Rasuah jika diterima sebagai amalan biasa dalam masyarakat akan membawa kehancuran kepada seluruh masyarakat, bangsa dan negara seperti mana yang pernah berlaku dalam sejarah tamadun besar dunia. Sebagai rakyat Malaysia, kita terpaksa mengakui bahawa negara kita juga tidak terkecuali. Kesedaran seluruh masyarakat kita juga harus dipertingkatkan lagi-lagi dalam suasana pertumbuhan ekonomi negara yang kian pesat.

Rasuah jika tidak dibendung dan diperangi habis-habisan pada peringkat awal akan memberikan kesan yang buruk kepada diri, masyarakat dan negara. Penyakit ini juga akan menggugat kestabilan sosial negara dan turut menjejaskan keyakinan orang ramai terutamanya pelabur asing terhadap kecekapan dan keberkesanan sistem perundangan serta birokrasi negara Malaysia. Rasuah juga tidak boleh dimulakan kerana dikhuatiri akan berlarutan dan menjadi satu ketagihan. Rasuah juga menyebabkan seseorang individu menjual prinsip, maruah dan juga harga diri.

Sesungguhnya masyarakat yang kehilangan nilai amanah akan ditimpa krisis kepercayaan. Oleh itu semua pihak harus menjauhi sifat tamak yang boleh menyebabkan berlakunya perbuatan rasuah dan berusaha untuk mengelakkan diri daripada berbelanja melebihi pendapatan. Kesimpulannya, martabat, kekuasaan atau parti politik bukan satu payung dan kuasa yang boleh melindungi sesiapa daripada penghakiman dan juga hukuman. Katakan tidak pada rasuah! Rasuah boleh dihentikan, kita masih mempunyai pilihan untuk tidak melakukan kesilapan.

PENARAFAN RISIKO RASUAH

RISIKO dalam konteks penarafan merujuk kepada POTENSI berlakunya rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa serta pelanggaran tata kelakuan dan etika dalam sesuatu agensi. Dapatan ini bukanlah menggambarkan senario sebenar rasuah sesebuah agensi. Penarafan risiko adalah satu penilaian yang dilaksanakan secara "helicopter view" di mana tidak boleh disamakan dengan penilaian *Corruption Risk Management (CRM) atau Corruption Risk Area (CRA) yang dilaksanakan secara "ground-level view".*

Pada 13 Mac 2020, BPIA, SPRM telah dipertanggungjawabkan oleh Pengurusan Tertinggi SPRM untuk melaksanakan Penarafan Semula Risiko Agensi Awam Tahun 2020 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 6 Tahun 2013. Penyediaan dapatan penarafan semula ini telah dilaksanakan ke atas 996 buah agensi awam di Malaysia.

PENARAFAN SEMULA RISIKO AGENSI AWAM

Penentuan risiko adalah berdasarkan penilaian dan pemarkahan ke atas faktor ancaman (threat) dan faktor kemudahterancaman (vulnerability). Kriteria–kriteria yang ditentukan di bawah faktor kemudahterancaman adalah merujuk kepada ciri-ciri organisasi yang berisiko dan mempunyai kebarangkalian berlakunya rasuah dan pelanggaran integriti. Berdasarkan kes-kes SPRM terdahulu kriteria ini juga merupakan satu keadaan spesifik yang mana ruang dan peluang rasuah adalah tinggi. Penetapan kriteria penarafan risiko adalah bergantung pada keadaan semasa dan keputusan Pengurusan Tertinggi SPRM.

Faktor Ancaman (Threat Factors)

1. **Bilangan Maklumat Rasuah**
2. **Bilangan Kertas Risikan**
3. **Bilangan Kertas Penyiasatan Awam**
4. **Bilangan Kertas Siasatan**
5. **Bilangan Kertas Pemeriksaan & Perundingan**
6. **Bilangan Tangkapan**
7. **Bilangan Tuduh**
8. **Bilangan Sabitan**

Faktor Kemudahterancaman (Vulnerability Factors)

PAP/PAN/PBT		BADAN BERKANUN/SBK	
1.	Mempunyai bajet pembangunan atau aset pembangunan sebanyak RM1 billion atau lebih	1.	Badan Berkanun dan mana-mana agensi atau syarikat yang mempunyai pemilikan sama ada secara tunggal atau pemilikan bersama atau *Golden Share*
2.	Fungsi/aktiviti perkhidmatan teras melibatkan kepentingan awam	2.	Penglibatan atau keahlian dalam politik dalam kalangan Ahli Lembaga Pengarah
3.	Data perlanggaran integriti daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Biro Pengaduan Awam	3.	Penerimaan sebarang bentuk bantuan kewangan daripada Kerajaan atau mana-mana entiti Kerajaan
4.	Bilangan agensi yang dikawal selia di bawah agensi yang ditarafkan berisiko tinggi oleh SPRM	4.	Penerimaan sebarang projek atau kontrak daripada kerajaan atau mana-mana entiti kerajaan
5.	Bilangan syarikat yang dikawal selia di bawah agensi yang ditarafkan berisiko tinggi oleh SPRM	5.	Fungsi/aktiviti perkhidmatan teras melibatkan kepentingan awam

Sepintas Lalu

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (Akta 711)

Akta bagi menggalakkan pendedahan maklumat mengenai sebarang jenayah rasuah atau salah laku lain. Akta ini akan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan memudaratkan akibat daripada pendedahan yang telah dibuatkriteria penarafan risiko adalah bergantung pada keadaan semasa dan keputusan Pengurusan Tertinggi SPRM.

Syarat-Syarat Perlindungan

1. **Pemberi maklumat bersedia untuk dikenali oleh SPRM**
2. **Pemberi maklumat hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai SPRM sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat.**
3. **Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat melalui surat/e-mel/ panggilan telefon/khidmat pesanan ringkas, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana beliau boleh dihubungi.**

Jenis-Jenis Perlindungan

1. **Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah (Sekyen 7(1)(a) Akta APPM 2010)**
2. **Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut (Sekyen 7(1)(b) Akta APPM 2010)**
3. **Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat (Sekyen 7(1)(c) Akta APPM 2010)**
4. **Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/ hubungan dengan pemberi maklumat (Sekyen 7(3) Akta APPM 2010)**

Integrity Quotes to Remember By Heart

"HONESTY is telling the truth to others. INTEGRITY is telling the truth to yourself.

– Israelmore Ayivor –

"The first thing is to be honest with yourself. You can never have an impact on society if you have not changed yourself. GREAT PEACEMAKERS are all people of integrity, of honesty, but humility"

-Nelson Mandela -

Lensa Khas Integriti

SAMBUTAN ULANG TAHUN LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI KE-32 (1990 – 2022)

-Bertemakan “Dedikasi Melakar Aspirasi”-

Bual Bicara Usahawan From Zero to Hero

Program Back To School 2022

Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan

Kayuhan Malam Earth Hour

Gotong Royong Mega Langkawi

Kayuhan Santai Alam Hello Environment!

Kejohanan Futsal Langkawi Piala LADA 2022

Majlis Perhimpunan Bulanan LADA Edisi Mac 2022

Hebahan Infografik Tahun 2022

Bilangan 1 Tahun 2022
1) Nilai Teras LADA
2) Fokus Kejayaan

Bilangan 2 Tahun 2022
1) Larangan Ponteng Kerja
2) Larangan Sebar Berita Palsu
3) Tips Kekalkan Nilai Integriti

Bilangan 3 Tahun 2022
1) Tanggungjawab Pegawai Awam
2) Laporkan Rasuah
3) Sense of Ownership

Bilangan 4 Tahun 2022
1) Ikrar Bebas Rasuah LADA
2) Pengisytiharan Harta
3) Integrity Quotes

Bilangan 5 Tahun 2022
1)Apa itu APC?
2) Faktor dan Kemerosotan Integriti
3) Larangan Ke Luar Negara Tanpa Kelulusan Ketua Jabatan

Bilangan 6 Tahun 2022
1)Petikan Titah Diraja
2) Jadilah Warga Kerja yang Berintegriti
3) Larangan Merokok di Premis LADA

Infografik Integrity Today

Bilangan 1 Tahun 2022



Infografik Integrity Today

Bilangan 2 Tahun 2022

Infografik Integrity Today

Bilangan 3 Tahun 2022

INTEGRITY TODAY
LAPORKAN RASUAH!!!!!
Jenis Suapan
Wang
Hadiah
Bonus
Jawatan
Diskaun
Perkhidmatan
Upah
Anda Dilindungi
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan sentiasa MEMASTIKAN KERAHSIAAN maklumat yang diberikan dan PEMBERI MAKLUMAT dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan:
PEMBERI MAKLUMAT adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009
PEMBERI MAKLUMAT boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
PEMBERI MAKLUMAT yang menjadi SAKSI bagi sesuatu kes rasuah DILINDUNGI di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009
UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my
"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"


INTEGRITY TODAY
SENSE OF OWNERSHIP
"Dalam memastikan kerja yang dijalankan membawa kebaikan dan kesejahteraan rakyat, setiap penjawat awam harus menanam nilai pemilikan atau sense of ownership terhadap apa yang dipertanggungjawabkan agar setiap usaha membuahkan hasil yang terbaik"
Tan Sri Sidek Hasan
Pengerusi Suruhanjaya Integriti
Agensi Penguatkuasaan
UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my
"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Infografik Integrity Today

Bilangan 4 Tahun 2022

Infografik Integrity Today

Bilangan 5 Tahun 2022

INTEGRITY TODAY
FAKTOR DAN KESAN
KEMEROSOTAN INTEGRITI
Ayuh Warga LADA !!!!
Mari Kita Tanamkan Azam Untuk Menjadikan LADA Sebagai Sebuah Organisasi Yang Dikenali Kerana Integritinya Bukan Kerana Rasuahnya.
FAKTOR KEMEROSOTAN INTEGRITI
KESAN
KELEMAHAN INDIVIDU
1. KURANG PENGHAYATAN NILAI DAN ETIKA KERJA
2. TAMAK
3. TEKANAN HIDUP
SISTEM DAN PROSEDUR
1. KURANG KETELUSAN
2. KELEMAHAN SISTEM DAN PROSEDUR
3. KURANG PENGUATKUASAAN PERATURAN UNDANG-UNDANG
STRUKTUR DAN ORGANISASI
1. STRUKTUR TIDAK KEMAS
2. PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN TERHAD ANTARA BAHAGIAN/UNIT
3. KURANG KOORDINASI
BUDAYA
1. TAKUT MEMBUAT LAPORAN
2. SIKAP TIDAK AMBIL PEDULI
3. ANGGUK DAN AMPU
KEPIMPINAN
1. KURANG BERTELADAN DAN AKAUNTABILITI
2. ARAHAN MELANGGAR PROSEDUR DAN PERATURAN
UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my
"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY
SETIAP WARGA KERJA
LADA HENDAKLAH MENDAPAT KELULUSAN KETUA JABATAN
TERLEBIH DAHULU SEBELUM MEMBUAT LAWATAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN
PERINGATAN
KE LUAR NEGARA
TANPA KELULUSAN
ADALAH SATU KESALAHAN
PEGAWAI YANG INGKAR BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DI BAWAH PERATURAN 3, BAHAGIAN II, PERATURAN – PERATURAN TATATERTIB BADAN – BADAN BERKANUN, AKTA BADAN – BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605]
BOOK YOUR FLIGHT
MONDAY 15
TUESDAY 16
WEDNESDAY 17
DEPARTURE DATE
ARRIVING DATE
CHOOSING A SEAT
FOOD AND DRINKS
LUGGAGE
POSSIBILITY OF REFUND
Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras M2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Emel : integriti@lada.gov.my
"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Infografik Integrity Today

Bilangan 6 Tahun 2022

INTEGRITY TODAY
Denda Sehingga RM10,000 Atau Di Penjara Sehingga 2 Tahun
Ketua Jabatan/Pegawai Penyelia Adalah Bertanggungjawab Untuk Memperingat Dan Memantau Pegawai/Kakitangan Masing-Masing
Tindakan Tatatertib Di Bawah Peraturan 3(2) Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
Seseorang Pegawai Tidak Boleh:
(i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah
Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (P.U.A 324/2004)
Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2015
LARANGAN MEROKOK
DI PREMIS LADA
UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my
"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

Nota

Terbitan Unit Integriti LADA

Aras M2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi Kedah Darul Aman

04-9600 770/771/784/786

integriti@lada.gov.my